

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RPE 446 - Aspek-Aspek Sosial Dalam Perancangan
Dan Pembangunan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan: Soalan No. 1 dalam Bahagian A dan DUA Soalan dalam Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'pembangunan sosial'? Nyatakan peranan petunjuk-petunjuk sosial dalam pembangunan.

(20 Markah)

- (b) Bincangkan isu-isu utama pembangunan di Malaysia serta nilaikan tumpuan yang telah diberi kepada aspek-aspek sosial dalam proses pembangunan tersebut.

(20 Markah)

BAHAGIAN B

2. Pencemaran alam sekitar yang berleluasa akan menjejaskan pembangunan. Bincangkan cara-cara pihak berkuasa boleh cuba menghadapi krisis pencemaran.

(30 Markah)

3. Nilaikan secara kritis isu dan masalah utama, serta cara pelaksanaan bagi DUA aktiviti-aktiviti berikut:-

(a) Program pembangunan komuniti

(b) Rancangan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah

. . . 2/-

- (c) Partisipasi awam dalam perancangan bandar.
- (d) Program perindustrian berat.

(30 Markah)

4. Apakah dimensi-dimensi penting akibat daripada 'ketidaksamaan sosial' yang perlu dipertimbangkan oleh ahli perancang sosial?

(30 Markah)

5. Proses pembangunan yang pesat memerlukan pentadbiran kerajaan yang cekap dan dinamik. Nilaikan kenyataan ini dengan merujuk kepada struktur pentadbiran kerajaan di Malaysia.

(30 Markah)

6. Kajikan perbezaan serta persamaan dalam proses urbanisasi di negara-negara Dunia Ketiga dan negara-negara maju.

(30 Markah)

-000000000-